

49
NO. SOALAN: 367

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10692

SOALAN:

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) statistik jenayah berat yang dilakukan warga asing mengikut pecahan negara asal daripada tahun 2013 hingga 2017; dan**
- (b) warga asing yang terlibat dengan gejala pengedaran dadah mengikut negeri dan peratusan jaringan tempatan yang telah diwujudkan dengan warga tempatan.**

156

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberikan perhatian yang khusus terhadap penglibatan warga asing dalam aktiviti-aktiviti jenayah sama ada yang datang untuk bekerja, belajar atau yang melancong ke negara ini. Gejala ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan perasaan takut dan menyebabkan kegusaran kepada penduduk tempatan. Di samping itu, kedatangan warga asing turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial terutama kes yang berunsurkan maksiat, perjudian, penyalahgunaan dadah dan kes sosial yang lain.

Warga asing yang terlibat dalam jenayah indeks (Bagi maksud "Jenayah Bukan Indeks" adalah kes-kes jenayah yang mana kekerapan kejadiannya tidak boleh dijadikan pengukur trend jenayah) kebanyakannya adalah dari negara Indonesia, Filipina, Bangladesh, Myammar, Nepal, Kemboja dan lain-lain.

Statistik Jenayah Indeks melibatkan warga asing bagi tahun 2013 adalah sebanyak 5,470 kes bagi jenayah kekerasan dan 13,585 kes bagi jenayah harta benda. Pada tahun 2014 sebanyak 5,300 kes melibatkan jenayah kekerasan dan 13,151 kes bagi jenayah harta benda. Pada tahun 2015 sebanyak 4,376 kes jenayah kekerasan dan 11,457 kes bagi jenayah harta benda. Pada tahun 2016 sebanyak 3,687 kes jenayah melibatkan kekerasan dan 9,423 kes bagi jenayah harta benda. Manakala pada tahun 2017 pula

sebanyak 3,112 kes jenayah kekerasan dan 8,329 kes bagi jenayah harta benda.

(b) Dari soal siasat yang dibuat terhadap pengedar dadah warga tempatan yang ditangkap, tiada keterangan yang mendedahkan wujud jaringan antara warganegara asing dengan warganegara tempatan dalam sindiket pengedaran dadah dalam negara. Bekalan dadah dalam negara dilakukan oleh rakyat tempatan yang memperoleh bekalan dari luar negara yang diseludup masuk ke dalam negara atau yang diproses melalui makmal haram dalam negara. Kebanyakan warga asing yang ditangkap menjadikan negara ini sebagai transit sebelum mengedarkan dadah ke negara ketiga.

Statistik tangkapan warga negara asing mengikut kontinjen atas kesalahan pengedaran dadah pada tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing adalah sebanyak 499 orang, 480 orang dan 469 orang.